

## **Projek Takungan Lam Nam Chi Mendapat Kelulusan Kabinet**



Jabatan Pengairan Diraja akan membina projek takungan Lam Nam Chi yang dimulakan di wilayah timur laut Chaiyaphum sebagai sumber air untuk kegunaan tempatan, pertanian, dan industri.

Projek tersebut, dicadangkan oleh Kementerian Pertanian dan Koperasi, serta diluluskan oleh Kabinet dalam mesyuaratnya pada 2 Januari 2019.

Ia terletak di Ban Yang Na Di di daerah Ban Khwao dan Ban Han Khai di daerah Nong Bua Rawe. Projek ini juga bertujuan untuk mengurangkan masalah banjir dan menyediakan pelan untuk membangunkan potensi penuh lembangan Chi River.

Projek ini akan dilaksanakan selama enam tahun dari 2019 hingga 2024, dengan perbelanjaan 3.1 billion baht. Pembinaan projek meliputi zon ampangan dan jalan tumpahan.

Penduduk tempatan akan mendapat manfaat daripada projek ini, kerana ia akan menyokong stesen pam di sepanjang Lam Nam Chi, atau Sungai Chi. Kira-kira 75,000 rai (30,000 ekar) tanah ladang akan mendapat manfaat daripada projek ini semasa musim hujan dan 30,000 rai (12,000 ekar) pada musim kemarau. Selain itu, takungan akan menyumbang kepada aktiviti perikanan dan membantu mengurangkan banjir di kawasan-kawasan di sekitar takungan.

Kabinet membernarkan Jabatan Pengairan Diraja membayar pampasan khas kepada penduduk yang terjejas, sekiranya tidak dapat memperuntukkan sebidang tanah kepada penduduk untuk kediaman baharu mereka, atau jika penduduk tidak menginginkan plot yang diperuntukkan.

Tinjauan penelitian, yang dilakukan oleh jabatan itu, menunjukkan bahawa kebanyakan penduduk tempatan menyokong pembinaan projek tersebut.